



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 Mei 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SINAR HARIAN | SELASA 5 MEI 2026

>> Dari muka surat 32

Reformasi besar sektor peruncitan

Kerajaan tidak keluar modal, dapat keuntungan dalam bentuk sosial



FUZIAH

Fuziah berkata, berbeza dengan pendekatan terdahulu yang melibatkan pelaksanaan oleh kerajaan merentasi pelbagai skop tanggungjawab, Yayasan Madani mempunyai pasukan khusus yang memberi fokus sepenuhnya kepada pembangunan dan pengukuhan Madani Mart secara berterusan.

"Struktur ini memberi kelebihan dari segi kecekapan dan kelincihan pelaksanaan," katanya.

Ujar beliau lagi, sebagai sebuah organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan, Yayasan Madani berfungsi memastikan keseluruhan ekosistem berjalan dengan efisien dan memberi manfaat maksimum kepada semua pihak berkepentingan.

Menurut Fuziah, cabaran utama kepada kedai runcit tradisional ialah ketidakupayaan untuk membeli stok secara pukal.

"Yayasan Madani menguruskan dan melantik pembekal dan pengedar yang membeli terus daripada pemilik jenama dalam kuantiti besar.

"Hasilnya, harga yang diperolehi adalah jauh lebih rendah tanpa mengenaikan syarat ketat kepada peng-

usaha kedai. Ini membolehkan peng- usaha Madani Mart menikmati kelebihan harga pukal walaupun hanya mengendalikan satu outlet," katanya.

Tambah Fuziah, model tersebut bukan sahaja inovatif malah tidak pernah dilaksanakan sebelum ini di Malaysia.

Katanya, ia menggabungkan kelebihan skala besar dengan fleksibiliti perniagaan kecil, satu kombinasi yang memberi kelebihan daya saing yang signifikan.

"Untuk Madani Mart kerajaan tidak mengeluarkan modal tetapi kerajaan mendapat keuntungan dalam bentuk sosial, membantu rakyat mendapatkan barangan berkualiti pada harga mampu milik," katanya.



Orang ramai mengunjungi kedai runcit Madani Mart Indera Mahkota 6 untuk membeli barangan keperluan harian.

Perkasa usahawan

Pada masa sama, Madani Mart juga bukan sekadar jenama kedai runcit tetapi sebuah platform pembangunan usahawan.

Pengusaha yang menyertai rangkaian ini mendapat akses kepada pelbagai kemudahan seperti sistem point-of-sale berpusat, pemantauan harga, analisis jualan, latihan pemasaran serta sokongan operasi.

Dalam pada itu, Yayasan Madani turut menyediakan pemantauan berterusan bagi memastikan prestasi setiap outlet sentiasa berada pada tahap optimum.

Menurut Fuziah, walaupun fokus utama ialah untuk menyediakan harga rahmah, Madani Mart tidak mengabaikan aspek lain yang penting kepada pengguna.

"Rakyat hari ini bukan sekadar mencari harga rendah, tetapi juga mahukan kualiti produk, perkhidmatan yang baik dan kemudahan akses.

"Madani Mart cuba memenuhi semua keperluan ini secara serentak. Dengan lokasi yang dirancang dekat dengan komuniti, pengguna dapat menikmati kemudahan membeli-belah berhampiran rumah," katanya.

Tambahan pula katanya, integrasi dengan inisiatif seperti jualan rahmah dan kemudahan pembayaran tertentu membolehkan rakyat memaksimumkan kuasa beli mereka.

Berteraskan slogan 'Kedai Runcit Harga Rahmah', satu lagi keunikan

Madani Mart adalah komitmennya terhadap pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan.

Pengusaha diberi fleksibiliti untuk mendapatkan sehingga 50 peratus bekalan daripada sumber luar termasuk pengeluar tempatan, ini sekali gus membuka ruang kepada produk IKS untuk menembusi pasaran runcit dengan lebih mudah.

Madani Mart menyediakan longggaran kepada IKS dan dalam setengah kes, yuran tersebut boleh diketepikan bagi membantu pengusaha kecil berkembang.

Malah, jika terdapat bayaran tertentu daripada jenama besar, manfaat itu akan disalurkan semula kepada pemilik outlet.

Pendekatan ini mencerminkan elemen sosial dalam model Madani Mart di mana ia bukan sekadar membantu pengguna tetapi turut memperkasa rantai nilai tempatan.

Sementara itu, untuk memastikan keseimbangan dalam ekosistem, Yayasan Madani menetapkan had maksimum pemilihan tidak lebih 10 outlet setiap pengusaha bagi mengelakkan berlakunya monopoli dan memastikan lebih ramai usahawan mendapat peluang.

Selain itu, pematuhan terhadap standard perkhidmatan, harga dan operasi turut dipantau secara ketat.

Sekiranya terdapat pelanggaran, lesen penggunaan jenama boleh ditarik balik.

Berteraskan slogan 'Kedai Runcit Harga Rahmah', antara keunikan Madani Mart adalah komitmennya terhadap pembangunan IKS tempatan.



Dua lelaki dicekup pindah diesel dekat tanah perkuburan

JITRA – Taktik licik sindiket yang memindahkan minyak diesel secara haram di kawasan sunyi berhampiran tanah perkuburan Cina di Sungai Pasir, Sungai Petani dekat sini terbongkar selepas diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah kelmarin.

Serbuan di kawasan lapang kira-kira pukul 2 petang itu dilakukan hasil risikan selama dua minggu oleh anggota risik KPDN.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN negeri, Zalina Aziz berkata, ketika serbuan, dua lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an dan 50-an didapati sedang memindahkan diesel dari sebuah lori kargo yang mempunyai tangki *inter-*

mediate bulk container (IBC) ke dalam sebuah lori tangki lain.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati kedua-dua suspek gagal mengemukakan sebarang permit atau kebenaran sah bagi menyimpan barang kawalan tersebut.

"Lori kargo itu didapati mempunyai dua tangki IBC di bahagian belakang dan ditutup dengan kain kanvas bagi mengaburi kegiatan mereka.

"Minyak diesel disedut menggunakan pam dari tangki asal ke dalam tangki IBC berkenaan. Kita mengesyaki diesel itu dikumpul sedikit demi sedikit sehingga penuh," katanya pada sidang akhbar di Stor Penyimpanan Barang Eksibit KPDN Kedah di Tunjang, dekat sini semalam.



ZALINA menunjukkan paip yang digunakan untuk memindahkan diesel dari lori kargo ke lori tangki pada sidang akhbar di Stor KPDN Kedah di Tunjang semalam.

Price tag violations lead to action against Labuan retailers

Ahmad Apong

LABUAN: Two retailers were compounded on the spot RM300 each by enforcement officers from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), recently, for failing to display price tags, said Labuan Chief Enforcement Officer Amiluddin Malang.

He said two enforcement teams from KPDN Labuan were deployed to conduct inspections in rural areas around Labuan to ensure traders complied with laws in force.

"During the operation, a total of 50 business premises were inspected, covering various categories including grocery shops and other retail outlets.

"Through our inspection, we found that two retailers failed to display price tags on goods offered for sale, and the KPDN enforcement team issued compounds to both retailers.

"The offence falls under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723] and the Price Control and Anti-Profiteering (Price Marking for Goods and Charges for Services) Order 2020," he said.

Upon conviction, Amiluddin said an individual may be fined up to RM50,000 or compounded, while companies may face



Enforcement officers conducting inspections on one of the premises in Labuan.

finer of up to RM100,000.

Overall, he said the majority of traders were found to be compliant with regulations, and KPDN Labuan will continue to intensify inspections from time to time, including in rural areas, to ensure consumer protection and adherence to fair trade practices.

The public is encouraged to channel any complaints or information related to trader misconduct through KPDN's official channels to enable appropriate action to be taken.

Lelaki ditahan bersama 480 liter petrol

Ibrahim Tabir dan Azmie Lim

SEMPORNA: Seorang lelaki tempatan berumur 40 tahun yang bekerja sebagai penjual ikan ditahan selepas disyaki memiliki dan menyimpan petrol tanpa kebenaran dalam operasi di perairan Kampung Simunul pada Sabtu.

Suspek ditahan kira-kira jam 10 malam oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 22 Kunak menerusi Ops Tiris 4.0 (Bersepadu).

Lelaki berkenaan dikatakan gagal mengemukakan sebarang kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan untuk memiliki bahan kawalan berkenaan.

“Hasil pemeriksaan lanjut menemui sebanyak 24 jeriken berisi minyak petrol dianggarkan 480 liter.

“Turut dirampas sebuah bot kayu berukuran 17 kaki, enjin sangkut Yamaha Enduro 40 kuasa kuda (HP) serta beberapa barangan lain yang dipercayai digunakan bagi tujuan pengangkutan bahan tersebut,” menurut kenyataan PGA Kunak.

Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM21,065.60.

Kes berkenaan diserahkan kepada KPDN Cawangan Semporna dan satu kertas siasatan dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Fish seller held over illegal petrol possession

Ibrahim Tabir

SEMPORNA: A 40-year-old local fish seller was arrested after he was suspected of possessing and storing petrol without authorisation in an operation at the waters of Kampung Simunul here on Saturday.

The suspect was detained at about 10pm by the General Operations Force (GOF) Battalion 22 Kunak under Ops Tiris 4.O.

He reportedly failed to produce any written permit from the Supply Controller to possess the controlled fuel.

"Further inspection uncovered 24 jerry cans filled with petrol, estimated at 480 litres.

"Also seized were a 17-foot wooden boat, a Yamaha Enduro 40 horsepower (HP) outboard engine, and several other items believed to have been used for transporting the fuel," the GOF Kunak said in a statement.

The total value of the seized items is estimated at RM21,065.60.

The case has been handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Semporna branch, and an investigation paper has been opened under the Control of Supplies Act 1961.

Trader fined in Kunak for not displaying price tags

Ibrahim Tabir

KUNAK: A business premise in the town was issued an on-the-spot compound by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living after failing to display price tags on goods offered for sale.

The action was taken during an enforcement operation carried out by KPDN's Semporna branch, which involved inspections of supermarkets, retail shops and petrol stations to ensure compliance with existing laws.

In a statement, KPDN Semporna said the compound was issued under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 for failing to place price labels, tags or markings on displayed items.

Meanwhile, inspections at petrol stations found no cases of petrol or diesel being filled into containers without permits. Diesel supply was also reported to be sufficient, with no illegal sales activities detected.



KPDN enforcement personnel inspecting a supermarket in Kunak during the operation.

Checks on business premises showed that most traders were complying with regulations, including displaying price tags, using certified weighing instruments and adhering to controlled prices for cooking oil.

The supply of packet cooking oil was also found to be adequate and easily accessible to consumers.

The public is encouraged to report any complaints or enquiries to KPDN via its official channels, including WhatsApp, hotline, email and the Ez ADU KPDN application.



Local man caught with 300 litres of subsidised diesel without permit in Tawau

TAWAU: A 50-year-old local man was arrested after he was found storing and transporting subsidised diesel without a permit during a raid at a petrol station along Mile 3 Jalan Apas on May 2.

According to Tawau OCPD ACP Jasmin Hussin, the operation was conducted around 4:40 pm by a police team from the District Internal Security and Public Order Division, led by DSP Sukvinderjeet Singh, acting on intelligence and public information.

The suspect failed to produce any license or permit authorising possession of the 300 litres of subsidised diesel. Further inspection revealed a modified fibreglass tank believed to be used for storing the fuel.

"Police seized a four-wheel-drive vehicle, the vehicle key, related equipment, and the diesel — altogether estimated to be worth RM11,445," Jasmin said.

The case has been referred to the Tawau branch of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living for further action under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961.

Jasmin reminded the public not to engage in any misappropriation of controlled goods, warning that strict action will be taken against offenders.

"Those with information about such activities are urged to channel it to the police, including through the Volunteer Smartphone Patrol (VSP) platform, to help curb these offences," he added. — *James Leong*



盼發電機納燃油補貼範圍 停泊島旅遊業者促政府檢討

(瓜拉登嘉楼4日讯) 停泊岛旅游行业协会呼吁国内贸易及生活费部考虑将补贴柴油管制系统及补贴汽油管制系统的使用权限扩大至停泊岛发电机用途，以应对燃油成本上涨及长期依赖离网能源的现实问题。

该协会指出，随着2026马来西亚旅游年的推进及国际游客回流，马来西亚旅游业正稳步复苏。

根据马来西亚统计局数据，2025年国内旅游出行次数已超过2亿次，然而，全球能源价格波动导致燃油成本持续上升，对如停泊岛等旅游目的地造成沉重负担。

该协会主席拉非查慕尼表示，近期数月内，停泊岛经营者的营运成本已上涨约50%至70%。

燃油价涨或被迫缩营运

“燃油对我们来说不仅是营运成本，而是维持岛上生活的基本必需品。我们完全依赖发电机供电。如今价格不断上涨，对我们造成极大压力。如果情况持续，我们可能被迫调高价格或缩减营运规模。”

她进一步指出，若问题无法解决，将影响停泊岛的整体竞争力，并冲击依赖旅游业维生的本地社区，包括酒店业者、船运业者及小型商贩等数百个就业岗位。

鉴于岛屿基础设施的特殊性，她认为政府需要制定更具针对性的政策，以符合无法接入国家电网的实际营运环境。

她呼吁政府重新检讨现有补贴制度，考虑为岛屿地区设立特别机制或有针对性的豁免措施，同时将配合政府，确保相关执行透明且具可行性。

“我们希望这个问题能尽快获得关注。支持停泊岛，也是在支持依赖它生存的社区与经济。”

சீனக் கல்லறையில் டீசல் கடத்தல் முயற்சி அதிகாரிகள் முறியடிப்பு

ஜிதரா, மே 5-
இங்கு கங்கை பட்டாணி கங்கை பாரிசில் உள்ள ஒரு
சீன இடுகாட்டுப் பகுதியில் திறந்த வெளியில் டீசலை
சட்டவிரோதமாகக் கைமாற்றி விடும் முயற்சியை
உள்நாட்டு வாணிபம், வாழ்க்கைச் செலவின
அமைச்சின் கெடா மாதிலக் கிளை அதிகாரிகள்
முறியடித்தனர்.

பிற்பகல் 2.00 மணி அளவில் மேற்கொள்ளப்பட்ட
இந்த நடவடிக்கையின்போது ஒரு சரக்கு லோரியில்
இருந்து ஒரு டேங்கர் லோரிக்கு டீசல் மாற்றி
விடப்படுவதை அதிகாரிகள் கண்டனர் என்று கெடா

மாதில் அமலாக்கப் பிரிவுத் தலைவர் ஸலினா
அலிஸ் கூறினார்.

அமைச்சின் அமலாக்க அதிகாரிகள் கடந்த
இரண்டு வாரங்களாக வேறு பார்த்ததன் விளைவாக
இச்சோதனை நடத்தப்பட்டது. 40, 50 வயதிலான
இரண்டு ஆடவர்கள் ஒரு சரக்கு லோரியில் இருந்து
பக்கத்தில் நிறுத்தி வைக்கப்பட்டிருந்த ஒரு டேங்கர்
லோரிக்கு டீசலை மாற்றும் பணியில்
ஈடுபட்டிருந்தபோது கைது செய்யப்பட்டனர் என்று
அவர் தெரிவித்தார்.

அதிகாரிகள் 44,848 ரிங்கிட் மதிப்புள்ள 2,900



லிட்டர் டீசலைக் கைப்பற்றியதோடு
ஒரு சரக்கு லோரி, ஒரு டேங்கர்
லோரி, இரண்டு ஐபிசி டாங்கிகள்
டீசலை மாற்றி விடுவதற்குப்
பயன்படுத்தப்பட்ட கருவிகள்
ஆகியவற்றைப் பறிமுதல்

செய்தனர். இவற்றின்
மொத்த மதிப்பு 165,248
ரிங்கிட்டாகும் என்று அவர்
நேற்று
செய்தியாளர்களிடம்
குறிப்பிட்டார்.
தொடர்ந்து
மேற்கொள்ளப்பட்ட
சோதனையில்
கட்டுப்படுத்தப்பட்ட
டீசல் எண்ணெய் யைச்
சேமித்து
வைத்திருப்பதற்கோ
அல்லது தங்கள் வசம்
வைத்திருப்பதற்கோ உரிய
பொய்மிட்களைக்
கொண்டிருக்கவில்லை என்பது
கண்டுபிடிக்கப்பட்டது என்று
ஸலினா அலிஸ் கூறினார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Harga murah hanya 10 tahun dahulu

Kos badal haji meningkat lebih RM9,000 selepas pandemik Covid-19

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

SHAH ALAM - Pakej badal haji pada harga serendah RM3,500 hingga RM4,000 pernah ditawarkan lebih sedekad lalu, namun tidak lagi relevan dalam keadaan semasa.

Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tour Sdn Bhd, Datuk Md Daud Che Ngah berkata, harga tersebut ditawarkan kepada pelanggan dalam pasaran sekitar tahun 2015 hingga 2017.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, kos pelaksanaan badal haji meningkat setiap tahun terutamanya dengan ketara selepas pandemik Covid-19.

"Selepas Covid-19, tidak ada lagi harga itu dan semua kos badal haji berharga RM7,000 ke atas.

"Ketika ini, jika ada pihak menawarkan pakej bawah RM5,000, besar kemungkinan ia sekadar taktik menarik perhatian atau mengambil kesempatan terhadap orang ramai," katanya.

Beliau menjelaskan, kos sebenar badal haji kini melebihi RM7,000, termasuklah apabila melibatkan pelajar atau individu yang menetap di Tanah Suci sebagai wakil.

Katanya, walaupun

golongan ini dikenali sebagai individu warak dan amanah, mereka tetap perlu mematuhi peraturan serta kos logistik yang ditetapkan.

"Naik bas perlu bayaran tambahan dan itulah yang menyebabkan kos meningkat, iaitu sekitar RM2,000 hingga RM3,000.

"Selepas sampai di Arafah, ada yang memilih untuk berjalan kaki semula dari Mina ke Makkah bagi menjimatkan kos, dan itu yang menjadikan harga murah sekitar RM7,000," ujamnya.

Bagaimanapun, Md Daud memberitahu, jika menggunakan pengangkutan peribadi yang sah, kosnya mencecah RM9,000 dan ke atas.

"Jadi, kalau ada yang menawarkan harga bawah RM4,000, itu bukan situasi semasa. Sekitar 2015 hingga 2017 masih ada, namun kini sudah tidak lagi," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai agar lebih berhati-hati ketika memilih perkhidmatan berkenaan.

Selepas Covid-19, tidak ada lagi harga itu dan semua kos badal haji berharga RM7,000 ke atas."

- Md Daud



Bekalan minyak, gas terjamin - PM

Dari muka 1

"Semalam (kelmarin), Tan Sri Mohd Hassan Marican (Pengerusi Pasukan Petugas Pengurusan Krisis Majlis Tindakan Ekonomi Negara) bagi maklumat terkini dari Petronas tentang usaha-usaha kita," katanya pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRESS) di sini, semalam.

Anwar bagaimanapun berkata, walaupun bekalan terjamin, peningkatan harga bahan api itu adalah cabaran utama yang perlu ditangani kerajaan.

Menurutnya, kerajaan kini terpaksa menanggung RM5 bilion kos subsidi bahan api sebulan bagi memastikan harga RON95 kekal pada kadar semasa iaitu RM1.99 seliter, susulan ketidakpastian harga minyak akibat konflik di Asia Barat.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu meningkat mendadak berbanding RM700 juta sebulan ditanggung kerajaan sekitar Januari lalu.

Beliau berkata, jika harga itu

kekal meningkat, kerajaan terpaksa menanggung kos subsidi lebih tinggi pada masa depan.

"Kalau harga setakat sekarang, RM5 bilion satu bulan. Bayangkan 10 bulan, RM50 bilion dari dana kerajaan," katanya.

Harga minyak mentah Brent ketika ini didagangkan pada kadar AS\$109.7 (RM433.97) setong meningkat 1.56 peratus, manakala WTI pula AS\$103.3 (RM408.69) setong, naik 1.33 peratus. Gas asli turut meningkat 0.07 peratus kepada AS\$2.846 (RM11.27) per MMBtu (British Thermal Unit).

Kenaikan harga minyak mendorong kejatuhan harga emas untuk dua minggu berturut-turut sebanyak 0.5 peratus kepada di bawah AS\$4,000 (RM15,825.59) seauns.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menjelaskan, langkah penjimatan diambil kerajaan tidak menjejaskan pengambilan doktor dan jururawat baharu.

Malah kata beliau, langkah itu juga tidak memberi kesan kepada sektor perubatan termasuk

pembinaan klinik, kerana yang dikurangkan hanya skop pembinaan hospital mewah.

Dalam sektor pendidikan pula, Anwar berkata, walaupun terdapat pengurangan peruntukan di peringkat Kementerian, pembinaan bilik darjah dan kelas baharu bagi menampung kemasukan pelajar tetap diteruskan.

"Jadi, yang kita rasa berlebih perbelanjaan besar-besaran bagi kursus-kursus berlebih-lebih sangat. Kalau kursus yang ada dalam negara, hantar dalam negara, tidak (perlu) di luar negara.

"Kemudian, majlis-majlis di hotel-hotel mewah dihentikan, dibuat di Kementerian. Kemudian skop pembinaan yang kadang-kadang melebihi daripada keadaan biasa, itu dikurangkan," katanya.

Menurut Anwar, kerajaan mengakui wujud kenaikan kos sara hidup dan harga barangan, sedaya upaya akan mengurangkan beban rakyat khususnya dalam sektor tertentu meskipun kos yang ditanggung kerajaan bakal meningkat.



ANWAR Ibrahim memberi penerangan mengenai aktiviti pelabuhan di Teluk Arab pada majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam di Putrajaya, semalam. - PEJABAT

Bekalan minyak, gas terjamin dan stabil

PUTRAJAYA – Malaysia kekal berada dalam kedudukan stabil daripada segi bekalan minyak dan gas apabila sumber tenaga negara terus terjamin, meskipun berdepan tekanan kenaikan harga global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ketika ini, Malaysia adalah antara negara ASEAN yang terjamin bekalan minyak dan gasnya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kedudukan itu disokong hasil hubungan baik dengan Iran, Rusia, Turkmenistan dan Uzbekistan yang turut memberi jaminan daripada segi bekalan.

"(Ketika ini) Bekalan memang ada. Kita bernasib baik Malaysia antara negara ASEAN yang terjamin bekalan minyak dan gasnya.

"Jaminan itu diperoleh hasil hubungan diplomatik yang baik, termasuk dengan Iran yang antara negara awal memberi laluan kepada Malaysia susulan komunikasi di peringkat tertinggi.

"Semalam, Tan Sri Mohd. Hassan Marican (Pengerusi Pasukan Petugas Pengurusan Krisis Majlis Tindakan Ekonomi Negara) bagi maklumat terkini daripada Petronas tentang

usaha-usaha kita," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRESS), di sini semalam.

Bagaimanapun, katanya, walaupun bekalan terjamin, peningkatan harga bahan api itu adalah cabaran utama yang perlu ditangani kerajaan.

Menurutnya, kerajaan terus berdepan tekanan kos bagi menampung subsidi bahan api, khususnya bagi memastikan harga RON95 kekal pada kadar semasa iaitu RM1.99 seliter.

"Jadi, dari segi bekalan, tapi harga meningkat. Ini bukan masalah yang berpunca daripada kita, tapi yang berlaku dan sekarang harus kita kawal.

"Satu dunia tidak ada yang boleh menyaingi kita. Kita (Malaysia) paling rendah di dunia, RM1.99 (RON95), melainkan Brunei," katanya.

Katanya, Malaysia masih mempertahankan harga RON95 bagi mengelakkan beban tambahan kepada rakyat.

Harga terkini bahan api negara tanpa subsidi RON97 dijual pada kadar RM4.90 seliter, RON95 (RM3.97 seliter) dan diesel ditawarkan pada harga RM5.12 seliter.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 MEI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-May	KPDN perketat perbelanjaan dalam susulan arahan MOF	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/04/1429395/kpdn-tightens-internal-spending-following-mof-directive	NST
5-May	内贸部配合指示调整开支 傅芝雅： 虽撙节但不减核心	https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2026/04/30/815063	ORIENTAL DAILY
5-May	内贸部配合指示调整开支 傅芝雅： 虽撙节但不减核心	https://news.seehua.com/post/1476350	SEE HUA
5-May	KPDN Melaka rampas 31,279 aksesori tiruan terbesar dalam tempoh 10 tahun	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/kpdn-melaka-rampas-31279-aksesori-tiruan-terbesar-	UTUSAN
5-May	Sindiket jual aksesori telefon tiruan tumpas, rampasan terbesar di Melaka	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1352268/sindiket-jual-akesori-telefon-tiruan-tumpas-rampasan-terbesar-di-melaka	HARIAN METRO
5-May	KPDN kesan empat kes seleweng diesel di Sibu	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-kesan-empat-kes-seleweng-diesel-di-sibu/	RTM
5-May	KPDN rampas diesel RM400,000 disyaki diseleweng	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/04/29/kpdn-rampas-diesel-rm400000-disyaki-	FMT
5-May	Polis bongkar stor seleweng diesel, rampasan RM400,000	https://malaysiatribune.news/polis-bongkar-stor-seleweng-diesel-nilai-rampasan-rm400000/	MALAYSIA TRIBUNE

5-May	KPDN sita hampir 24,000 liter diesel diseleweng untuk industri	https://www.malay.news/kpdn-sita-hampir-24000-liter-diesel-diseleweng-jual-ke-industri/	MALAY NEWS
5-May	Pantau harga utiliti dan diesel	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/30/monitor-utility-and-diesel-prices	THE STAR
5-May	Lelaki ditahan simpan 300 liter diesel tanpa permit di Tawau	https://sabahnews.com.my/lelaki-ditahan-simpan-300-liter-diesel-bersubsidi-tanpa-permit-di-tawau/	SABAH NEWS
5-May	300 liter diesel dirampas, kes diserahkan kepada KPDN Tawau	https://sabahmedia.com/2026/05/03/300-liter-diesel-dirampas-kes-diserah-	SABAH MEDIA
5-May	Ops Tiris: lelaki ditahan bersama 300 liter diesel bersubsidi tanpa permit	https://www.nabalunews.com/post/op-tiris-lelaki-ditahan-bersama-300-liter-diesel-bersubsidi-tanpa-permit	NABALU NEWS
5-May	Man caught siphoning subsidised diesel in Tawau	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/05/03/man-caught-siphoning-subsidised-diesel-in-tawau	THE STAR
5-May	Ops Tiris 4.0: 450 liter petrol dirampas, lelaki tempatan ditahan	https://sabahmedia.com/2026/05/04/ops-tiris-4-0-450-liter-petrol-dirampas-lelaki-tempatan-	SABAH MEDIA
5-May	Lelaki ditahan bersama 480 liter petrol di perairan Semporna	https://sabah.kupikupifm.my/lelaki-ditahan-bersama-480-liter-petrol-di-perairan-semporna/	SABAH KUPIKUPI